

18.6.1981.

# Dr. Mahathir jelaskan kenyataan akhbarnya

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini menjelaskan kenyataan beliau kepada pemberita semalam, tiap-tiap keputusan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO secara kolektif tidak bermaksud menggambarkan kenyataannya itu memihak ke mana-mana golongan di dalam atau luar parti.

Penjelasan ini

dikeluarkan oleh Pejabat Timbalan Perdana Menteri dalam satu kenyataan di sini malam ini.

Kenyataan itu berkata, apa yang disebutkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir selaku Timbalan Presiden UMNO adalah hanya setakat menyatakan bahawa tiap-tiap satu keputusan oleh mesyuarat Majlis Tertinggi Parti itu adalah secara kolektif.

Dalam percakapannya dengan pemberita semalam, Datuk Seri Dr. Mahathir tidak sama sekali bertujuan untuk menyentuh peribadi sesiapa, kata kenyataan itu lagi.

Kebanyakan akhbar menyiarkan hari ini berita tentang pertemuan Datuk Seri Dr. Mahathir dengan pemberita itu, kata kenyataan tersebut. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia